



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : FEBRUARI / 28 / 2025

M/S : 3

Dana RM5.376b tingkat produktiviti hasil padi

Pembangunan infrastruktur dilaksana secara berfasa bermula tahun ini

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Jerlun: Kerajaan mengumumkan peruntukan keseluruhan RM5.376 bilion untuk meningkatkan produktiviti hasil padi negara, termasuk membangunkan infrastruktur bagi menyokong penanaman padi lima kali dalam dua tahun di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata projek itu akan dibangunkan secara berfasa dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion bermula tahun ini, seperti yang diumumkan pada Pembentangan Belanjawan MADANI tahun lalu.

"Kita buat projek ini secara keseluruhan RM5 bilion, kita segerakan fasa pertama dan perlu yakinkan pesawah boleh dilakukannya."

"Kita tidak boleh mengabaikan kebajikan pesawah kerana mereka tulang belakang kepada sektor makanan negara," katanya ketika berucap melancarkan Projek Pembangunan Infrastruktur Bagi Menyokong Program Pe-

nanaman Padi Lima Musim Dalam Tempoh Dua Tahun di kawasan Muda di Kampung Pida 4, Ayer Hitam di sini semalam.

Anwar berkata, salah satu cadangan utama bagi pembangunan projek itu ialah membangunkan prasarana pengairan, termasuk menaik taraf sistem tali air dan Empangan Pedu yang mempunyai kepentingan besar.

Katanya, kerajaan terpaksa mendapatkan kepakaran dari negara yang mahir dalam sistem perparitan dan tebatan banjir.

"Kita terpaksa mendapatkan kepakaran dari Belanda, salah satu negara paling mahir dalam sistem perparitan dan tebatan banjir."

"Perbelanjaan untuk ini perlu disegerakan bagi memastikan pengaliran sawah padi lebih terjamin. Kita sudah merangka satu pelan jangka panjang dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM1 bilion untuk fasa pertama projek ini," katanya.

"Seperti juga masalah tebatan banjir jika tidak diselesaikan, ia bukan sahaja merosakkan tanaman, tetapi juga menjejaskan kehidupan rakyat," katanya.

Beliau juga mengarahkan kerajaan negeri dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta agensi di bawahnya bersamasama bagi mempercepatkan penyediaan infrastruktur program berkenaan.

Katanya, usaha itu termasuk mengambil tanah bagi menaik taraf infrastruktur sistem pengai-

ran serta memberi laporan kemajuan projek dari semasa ke semasa kepada KPKM.

"Semua agensi perlu beri laporan segera, kita kena percepatkan, tak boleh sambil lewa, apabila kita lambatkan ia akan bebankan petani."

Projek itu memabitkan keluasan 11,000 hektar sawah yang bakal memanfaatkan 6,172 pesawah.

"Sebab itu petani jangan marah banyak, bagi saya ini bukan pasal perbezaan politik, saya nak yakinkan pesawah ini yang kerajaan boleh lakukan (bantu pesawah)," katanya.

Dalam pada itu, Anwar juga mengumumkan pesawah di seluruh negara akan menerima bantuan keseluruhan sebanyak RM15 juta sebagai persediaan menghadapi Ramadan dan Aidilfitri.

Katanya bantuan itu adalah sebahagian peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta daripada Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) bagi menyokong usaha kerajaan membela nasib pesawah miskin.

"Saya minta Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary bantu pesawah dan bukannya parti politik memandang BERNAS jana keuntungan daripada pesawah. Jadi beliau setuju untuk menyumbang RM30 juta sebelum ini."

"Daripada peruntukan itu, kita akan salurkan persediaan awal Ramadan dan Syawal kepada pesawah sebanyak RM15 juta dengan segera. Kita harap ia dapat dilaksanakan sebelum permula-

an Ramadan," katanya.

Alami defisit kepercayaan

Terdahulu, ketika berucap pada majlis Sesi Ramah Mesra Pelajar Universiti Antarabangsa Al-Bukhary (AIU) Bersama Perdana Menteri, Perdana Menteri berkata, dunia Islam dilihat mengalami defisit kepercayaan akibat sikap pemimpin tertentu yang sanggup mengkhakis nilai kemanusiaan dan keilmuan sehingga umatnya terus tertindas.

Katanya, kepimpinan Islam kini berhadapan masalah dalam cara mereka menegakkan perjuangan, berkorban dan memberi sumbangan sebenar kepada masyarakatnya.

Jelasnya, keadaan ini terjadi apabila ada pemimpin yang lebih mengutamakan kepentingan dan kekayaan peribadi berbanding kepimpinan yang berasaskan kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan.

"Kita lihat dunia sekarang, khususnya dunia Islam dan politik secara umum. Apa yang kurang? Ia adalah defisit kepercayaan dalam kalangan kita sendiri."

"Mereka bercakap tentang perjuangan, pengorbanan dan sumbangan, tetapi pada masa sama mengumpul kekayaan melebihi kemampuan mereka."

"Mereka tidak menunjukkan contoh yang baik. Ya, mereka mungkin mempunyai ilmu dan tahap kecekapan tertentu, tetapi tiada nilai moral. Itulah maksudnya defisit kepercayaan," katanya.